

## **Pengenalan**

Pusat Teknologi Maklumat telah mewujudkan satu jawatan Timbalan Pengarah Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan pada 1 Oktober 2007.

Portfolio Sokongan Penyelidikan & Pendidikan ini berperanan menyelaras keperluan teknologi bagi menyokong penyelidikan di UKM, sesuai dengan peningkatan UKM pada masa itu sebagai sebuah Universiti Penyelidikan. Timbalan Pengarah Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan ini bertanggungjawab terhadap dua fungsi bahagian di bawahnya iaitu Bahagian Komputeran Termaju dan Bahagian Multimedia dan Teknologi Pendidikan.

## **Bahagian Multimedia dan Teknologi Pendidikan**

Sejajar dengan perkembangan ICT, komponen Multimedia telah diwujudkan di Pusat Teknologi Maklumat semenjak tahun 2000. Bahagian Multimedia & Teknologi Pendidikan (BMTP) berperanan menyokong pembangunan multimedia khususnya kepada Pusat Teknologi Maklumat dan kakitangan UKM.

### **Fungsi Bahagian Multimedia & Teknologi Pendidikan PTM:**

- Pembangunan kandungan multimedia.
- Menyokong pembangunan kandungan multimedia bagi e-pembelajaran.
- Khidmat nasihat dan latihan multimedia kepada kakitangan.
- Pembangunan rekabentuk grafik antaramuka sistem dan web.
- Teknikal multimedia.

## **Bahagian Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan(BSPP)**

### **Fungsi BSPP:**

#### **Prasarana Pelayan Penyelidikan**

- Merancang keperluan prasarana untuk komputeran termaju bagi tujuan guna sama.
- Merangka polisi penempatan dan pemusatan pelayan komputeran termaju.
- Menyediakan garis panduan pemasangan aplikasi pada pelayan komputeran termaju.
- Memberi bantuan teknikal untuk pemasangan perisian pada pelayan komputeran termaju.
- Memantau penggunaan dan keselamatan pelayan komputeran termaju.

#### **Prasarana Capaian MyREN/MyGRID**

- Menyebar luas maklumat dan aktiviti berkaitan MyREN dan MyGRID.
- Mewujudkan aplikasi sebagai galakan penggunaan MyREN dan MyGRID (cth portal, forum, IRC, video stream, VoIP).
- Memberikan perkhidmatan telesidang VCUBE.
- Laman web grid : <http://www.ukm.my/ukmgrid> dan laman web myren : <http://myren.ukm.my/>
- Menyokong dan menyediakan perkhidmatan pengkomputeran grid menerusi prasarana AcademicGrid.

- Memberi perundingan dan latihan dalam penggunaan MyREN dan MyGrid

**Perisian Sumber Terbuka (OSS) dan Teknologi Terkini**

- Membudayakan OSS di UKM.
- Menyediakan keperluan prasarana dan aplikasi untuk menyokong OSS.
- Memberi perundingan dan latihan dalam sumber terbuka
- Membangunkan perkhidmatan berasaskan OSS untuk menyokong penyelidikan